

MAALOX[®] ORAL SUSPENSION IN SACHET

Magnesium Hydroxide / Aluminium Hydroxide (400mg / 460mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Maalox
2. Bagaimana Maalox berfungsi
3. Sebelum mengambil Maalox
4. Cara menggunakan Maalox
5. Semasa menggunakan Maalox
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Maalox
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Maalox

Nama ubat anda ialah *Maalox Oral Suspension in Sachets* (dikenali sebagai Maalox dalam seluruh risalah ini).

Maalox digunakan untuk merawat:

- Ulser perut
- Keradangan atau kerengsaan perut
- Keradangan esofagus (esofagus adalah tiub yang menghantar makanan dari kerongkong ke perut)
- Kelembapan gastrik (perut mengeluarkan lebih asid)
- Pedih ulu hati
- *Hiatal hernia* (perut menolak melalui pembukaan dalam diafragma di mana esofagus dan perut boleh bertemu)

Bagaimana Maalox berfungsi

Maalox mengandungi dua jenis ubat-ubatan yang berfungsi sebagai bahan aktif. Ia dikenali sebagai *aluminium hydrochloride* dan *magnesium hydrochloride*. Ianya tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai *antacid*. Maalox berfungsi dengan mengurangkan jumlah asid dalam perut anda.

Sebelum mengambil Maalox

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Maalox jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan lain Maalox
- Tanda-tanda tindak balas alahan termasuk: ruam, masalah menelan atau bernafas, bengkak di bahagian bibir, muka, tekak atau lidah.
- Anda mempunyai masalah buah pinggang yang serius kerana produk perubatan ini mengandungi magnesium

Jangan mengambil ubat ini jika mana-mana di atas berkenaan dengan anda. Jika anda tidak pasti, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Maalox.

-Sebelum mula mengambil

Mengambil penajaan khas dan berbincang dengan doktor anda jika:

- Anda mempunyai masalah genetik yang jarang berlaku seperti fruktosa intoleransi, malabsorpsi glukosa-galaktosa dan kekurangan sukrase-isomaltse
- Anda mempunyai masalah buah pinggang atau sedang menjalani dialisis berjangka panjang
- Anda sedang mengikuti diet rendah karbohidrat
- Anda mempunyai penurunan berat badan.
- Anda mempunyai kesukaran untuk menelan atau ketidakselesaan yang berterusan di bahagian abdomen.
- Anda mempunyai masalah pencernaan yang berlaku pada kali pertama, atau perubahan dalam masalah yang sedia ada.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil apa-apa ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi, termasuk ubat-ubatan herba.

Maalox tidak boleh diambil pada masa yang sama dengan ubat-ubatan lain. Ini kerana Maalox boleh mempengaruhi cara ubat-ubatan lain berfungsi. Jika membenarkan, jarakan lebih daripada 2 jam di antara pengambilan Maalox dan:

- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat jantung seperti digoxin, metoprolol, atenolol atau propranolol.
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat anemia seperti iron salt.
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat malaria seperti chloroquine.
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat beberapa gangguan tulang seperti diphosphonates.
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat beberapa gangguan alahan, keradangan atau autoimun seperti dexamethasone, prednisolone atau fexofenadine

- Ubat-ubatan digunakan untuk merawat batuk kering seperti ethambutol atau isoniazide.
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria seperti fluoroquinolones atau lincosamides.
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat jangkitan seperti ketoconazole, tetracyclines.
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat penyakit mental (psikosis) seperti phenothiazines neuroleptics.
- Ubat-ubatan digunakan untuk menghalang pengeluaran asid gastrik seperti lansoprazole
- Non-steroidal anti- inflammatories (NSAIDs) seperti indomethacin, diflunisal
- Suplemen Fosforus
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk mengurangkan pengeluaran asid perut seperti H2 antihistamin
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat paras kalium yang tinggi dalam darah seperti kayexalate
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk menggantikan tahap hormon tiroid apabila tiroid anda tidak aktif, seperti thyroxine
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk menguatkan enamel gigi dan membantu mencegah kerosakan gigi seperti natrium fluorida
- Ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat *rheumatoid arthritis* seperti *Penicillamine*

Kombinasi salicylates dengan Maalox boleh dipertimbangan oleh doktor anda.

Kehamilan dan menyusukan bayi

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini jika:

- Anda sedang mengandung, mungkin mengandung, atau berfikir anda mungkin mengandung. Maalox hanya boleh digunakan semasa mengandung jika diperlukan.
- Anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi. Penyusuan bayi mungkin boleh diteruskan semasa rawatan.

Cara menggunakan Maalox

Sentiasa mengambil Maalox tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu

menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

- Minum suspensi tersebut: jangan mencairkannya.
- Goncang paket dengan teliti sebelum membukakannya.

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa (berumur 15 tahun ke atas)

- 1 ~ 2 paket setiap pengambilan apabila pedih ulu hati atau regurgitasi asid perut berlaku.
- Oral suspensi Maalox boleh diambil 20 minit ~ 1 jam selepas makan dan sebelum tidur atau seperti yang diberitahu oleh doktor anda.
- Maksimum dos sehari: 6
- Jangan mengambil lebih daripada 12 paket setiap hari.

Maalox tidak digalakkan untuk digunakan kepada kanak-kanak di bawah umur 15 tahun.

-Bila perlu digunakan

Ambil Maalox pada waktu yang sama setiap hari; diambil 20 minit ~ 1 jam selepas makan dan sebelum tidur kecuali doktor anda memberitahu anda sebaliknya.

-Berapa lama perlu digunakan

Jangan gunakan Maalox dengan lebih kerap atau untuk tempoh masa yang lama tanpa berbincang dengan doktor.

-Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada masa yang biasa.
- Jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.
- Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan produk ini, minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Segera menelefon doktor anda atau pergi ke jabatan kecemasan hospital yang terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau sesiapa sahaja yang mengambil terlalu banyak Maalox. Lakukan ini walaupun anda tiada apa-apa tanda ketidakselesaan atau keracunan. Ambil pek ubat dengan anda. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Maalox

-Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Maalox.
- Jika anda perlu ambil ubat-ubatan lain yang baru, beritahu doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Maalox.
- Jika gejala berterusan atau menjadi lebih serius selepas 10 hari rawatan, doktor anda harus menyasiat punca dan menilai semula rawatan anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan memberikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.
- Jangan gunakan ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda.
- Jangan berhenti mengambil Maalox, atau menukar dos, tanpa memeriksa dengan doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin
Maalox tidak akan menjejaskan keupayaan anda untuk memandu dan menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat-ubatan mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini tetapi bukan semua orang akan mengalaminya.

Jangan terkejut dengan kesan-kesan sampingan yang mungkin dialami dalam senarai ini.

Anda berkemungkinan besar tidak akan mengalami apa-apa daripada mereka. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika apa-apa kesan sampingan yang berikut menjadi lebih serius atau lebih lama daripada beberapa hari. Anda juga perlu memberitahu mereka jika anda mendapati mana-mana kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini:

- Sembelit
- Cirit-birit
- Kekurangan fosforus, ini boleh berlaku disebabkan oleh pengambilan dos yang tinggi atau berpanjangan kerana produk perubatan ini mengandungi aluminium.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Maalox

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang sebarang aspek perubatan anda, atau sebarang pertanyaan mengenai maklumat di dalam risalah ini, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

-Penyimpanan

- Simpan ubat ini di tempat yang selamat di mana kanak-kanak tidak dapat melihat atau sampai.
- Jangan menggunakan Maalox selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada pembungkusan. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.
- Simpan di bawah suhu 30°C.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Oral suspensi Maalox adalah berwarna putih atau hampir kuning dan merupakan suspensi bersifat homogen. 4.3ml dimasukkan ke dalam paket bersamaan dengan 6g suspensi.

-Bahan-bahan kandungan:

-Bahan-bahan aktif untuk satu paket ialah:

- 230mg *aluminum oxide*
- Bersamaan dengan 460mg *hydrated aluminum oxide*
- 400mg *magnesium hydroxide*

-Bahan-bahan yang tidak aktif untuk satu paket ialah: Sucrose solution 64%, Sorbitol Liquid (non-crystallizing), xanthan gum, guar, natural lemon lime flavor, sodium chloride atau hydrogen peroxide solution 30%

-Nombor MAL:

MAL12035009X

Pengilang

A. Nattermann & CIE GMBH
Nattermannalle 1, 50829 Koln 30,
Germany.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sanofi-aventis (Malaysia) Sdn. Bhd.
Unit TB-18-1, Level 18-1, Tower B,
Plaza 33, No.1 Jalan Kemajuan,
Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/06/2017

Nombor Siri:

BPFK(R4/1)23062017/00156